



**PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding perancangan bandar dan wilayah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **330206** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bi I	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	JPBD(IP)S 185/646/1-102 Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi – <i>Central Forest Spine(CFS)</i>	330206 (Perancangan Bandar Dan Wilayah)	15 Julai 2019 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari	1. Firma berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang 330206 perancangan Bandar dan wilayah; 2. Tempoh Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah dan 3. Firma berdaftar dengan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan tempoh pendaftaran masih sah.

2. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam dokumen pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter **Seksyen Kewangan, Tingkat 1, Blok Tanjung , PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur** bermula pada **25 Jun 2019 Hingga 15 Julai 2019**.

3. Waktu operasi bagi Penjualan Dokumen Tender bagi projek tersebut adalah seperti berikut :-

WAKTU OPERASI

- a. Isnin Hingga Khamis : 9.00 pagi hingga 1.00 petang
- b. Jumaat : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
- c. Sabtu/Ahad/Cuti Am/Cuti Umum : TUTUP

Tiada Urusniaga Dilaksanakan Selepas Waktu Operasi Di Atas Bagi Tujuan Urusan Perbankan.

4. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set.
5. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan “Cadangan Teknikal ” dan “Cadangan Kos” di bahagian atas sebelah kiri setiap sampul berkenaan dan dialamatkan kepada :

**Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur.**

6. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Tender Terbuka di Seksyen Kewangan PLANMalaysia seperti alamat di atas **tidak lewat daripada 12.00 tengah hari pada 15 Julai 2019**. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Firma perunding yang berminat adalah dijemput hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 2 Julai 2019 (Selasa)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 20
Wisma Tun Sambanthan
Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur